

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE TINGKATAN ENAM BAWAH 2009  
DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN**

Murid-murid dari sekolah kerajaan yang layak ditawarkan masuk ke Tingkatan Enam Bawah 2009 hendaklah memenuhi tiga-tiga syarat berikut:

1. Memperoleh **kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM 2008**.
2. (A) Untuk kemasukan ke jurusan **KEMANUSIAAN**, calon mesti memperolehi **TIGA kepujian** dan jumlah agregat tidak melebihi **8 unit** bagi **TIGA** mata pelajaran terbaik. Tiap-tiap satunya hendaklah daripada kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

<b>KUMPULAN</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>
I	Bahasa Melayu
II	Bahasa Inggeris
III	Kesusasteraan Melayu / Kesusasteraan Inggeris
IV	Sejarah
V	Geografi / Pendidikan Seni Visual
VI	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral
VII	Matematik / Matematik Tambahan
VIII	Sains / Sains Tambahan
IX	Salah Satu Mata Pelajaran Teknik / Vokasional / Mata Pelajaran Vokasional (MPV)
X	Tasawwur Islam / Pendidikan Al Quran Dan Al Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
XI	Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab (Komunikasi) / Bahasa Cina / Bahasa Tamil
XII	Sains Pertanian / Perdagangan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Ekonomi Rumah Tangga / Pengetahuan Sains Sukan

Calon-calon yang memperolehi jumlah agregat **9 hingga 12 unit** bagi TIGA mata pelajaran terbaik daripada TIGA kumpulan yang berlainan seperti tercatat dalam 2(A), layak ditawarkan ke Tingkatan Enam Bawah **dengan syarat terdapat kekosongan tempat di negeri berkenaan**.

## ATAU

- (B) Untuk kemasukan ke jurusan **SAINS**, calon mesti memperoleh sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah agregat yang tidak melebihi **18 unit**. Tiap-tiap satunya hendaklah dalam kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

KUMPULAN	MATA PELAJARAN
I	Matematik / Matematik Tambahan
II	Fizik
III	Kimia
IV	Biologi
V	Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Rekacipta / Teknologi Kejuruteraan / Teknologi Maklumat / Pengajian Agroteknologi / Pengurusan Makanan / Pengajian Pakaian.

3. Bagi kedua-dua jurusan, umur calon mestilah tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 17 tahun pada 1 Januari 2009.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE TINGKATAN ENAM BAWAH 2009  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN SEKOLAH MENENGAH  
AGAMA BANTUAN KERAJAAN**

Murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan yang layak ditawarkan masuk ke Tingkatan Enam Bawah 2009 hendaklah memenuhi keempat-empat syarat berikut:

1. Memperoleh **Kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM 2008..**
2. (A) Untuk kemasukan ke jurusan **AGAMA**, calon mesti **LULUS** dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi/ Bahasa Arab (Komunikasi). Calon juga mesti memperoleh **TIGA kepujian** dan jumlah agregat tidak melebihi **14 unit** bagi **TIGA** mata pelajaran terbaik. Tiap-tiap satunya hendaklah daripada kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

<b>KUMPULAN</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>
I	Bahasa Melayu
II	Bahasa Inggeris
III	Kesusasteraan Melayu / Kesusasteraan Inggeris
IV	Sejarah
V	Geografi / Pendidikan Seni Visual
VI	Tasawwur Islam / Pendidikan Al Quran Dan Al Sunnah
VII	Matematik / Matematik Tambahan
VIII	Sains / Sains Tambahan
IX	Salah Satu Mata Pelajaran Teknik / Vokasional / Mata Pelajaran Vokasional (MPV)
X	Pendidikan Syariah Islamiah
XI	Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab (Komunikasi) /
XII	Sains Pertanian / Perdagangan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Ekonomi Rumah Tangga / Pengetahuan Sains Sukan

Calon-calon yang memperolehi jumlah agregat **15 hingga 18 unit** bagi **TIGA** mata pelajaran terbaik daripada **TIGA** kumpulan yang berlainan seperti tercatat dalam 2(A), layak ditawarkan ke Tingkatan Enam Bawah **dengan syarat terdapat kekosongan tempat di negeri berkenaan.**

3. Bagi calon SMKA dan SABK aliran agama, penawaran ke jurusan **Sains** di Sekolah Menengah Harian akan diutamakan bagi calon yang memperoleh jumlah agregat tidak **melebihi 12 unit** bagi **tiga** mata pelajaran terbaik daripada tiga kumpulan yang berlainan.
  
4. Bagi kedua-dua jurusan, umur calon mestilah tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 17 tahun pada 1 Januari 2009.

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE TINGKATAN ENAM BAWAH 2009 DI SEKOLAH BERASRAMA PENUH (AGAMA) DI KISAS DAN SMAP LABU

Murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan yang layak ditawarkan masuk ke Tingkatan Enam Bawah 2009 hendaklah memenuhi keempat-empat syarat berikut:

1. Memperoleh **kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM 2008**.
2. (A) Untuk kemasukan ke jurusan **AGAMA**, calon mesti mendapat **KEPUJIAN** sekurang-kurangnya **6C** dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi/ Bahasa Arab (Komunikasi). Calon juga mesti memperoleh **TIGA kepujian** dan jumlah agregat tidak melebihi **12 unit** bagi **TIGA** mata pelajaran terbaik. Tiap-tiap satunya hendaklah daripada kumpulan yang berlainan dari kumpulan-kumpulan berikut:

KUMPULAN	MATA PELAJARAN
I	Bahasa Melayu
II	Bahasa Inggeris
III	Kesusasteraan Melayu / Kesusasteraan Inggeris
IV	Sejarah
V	Geografi / Pendidikan Seni Visual
VI	Tasawwur Islam / Pendidikan Al Quran Dan Al Sunnah
VII	Matematik / Matematik Tambahan
VIII	Sains / Sains Tambahan
IX	Salah Satu Mata Pelajaran Teknik / Vokasional / Mata Pelajaran Vokasional (MPV)
X	Pendidikan Syariah Islamiah
XI	Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab (Komunikasi) /
XII	Sains Pertanian / Perdagangan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Asas / Ekonomi Rumah Tangga / Pengetahuan Sains Sukan

Calon-calon yang memperolehi jumlah agregat **12 hingga 14 unit** bagi **TIGA** mata pelajaran terbaik daripada **TIGA** kumpulan yang berlainan seperti tercatat dalam 2(A), layak ditawarkan ke Tingkatan Enam Bawah **dengan syarat terdapat kekosongan tempat di negeri berkenaan**.

3. Bagi calon SMKA dan SABK aliran agama, penawaran ke jurusan **Sains** di Sekolah Menengah Harian akan diutamakan bagi calon yang memperoleh jumlah agregat tidak **melebihi 12 unit** bagi **tiga** mata pelajaran terbaik daripada tiga kumpulan yang berlainan.
4. Bagi kedua-dua jurusan, umur calon mestilah tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 17 tahun pada 1 Januari 2009.

**GARIS PANDUAN PENEMPATAN MURID TINGKATAN ENAM BAWAH 2009**

**TINDAKAN JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Jabatan Pelajaran Negeri akan menerima **tiga (3)** salinan senarai murid yang layak untuk masuk Tingkatan Enam Bawah 2009 dalam negeri masing-masing.
  - i. Salinan Pertama adalah untuk simpanan dan rujukan Jabatan Pelajaran Negeri.
  - ii. Salinan Kedua adalah untuk dihantar ke sekolah asal calon yang terpilih, dengan surat memaklumkan antara lain, bahawa calon yang namanya tiada dalam senarai bererti tidak terpilih.
  - iii. Salinan Ketiga adalah untuk dihantar ke sekolah pusat Tingkatan Enam di mana calon berkenaan ditempatkan.
2. Seberapa boleh, calon hendaklah ditempatkan ke sekolah pusat Tingkatan Enam yang berhampiran dengan alamat kediaman masing-masing, tertakluk kepada jurusan pengajian dan kekosongan tempat belajar, kecuali bagi sekolah yang mempunyai kemudahan asrama.
3. Murid hendaklah melapor diri pada hari pertama persekolahan Tingkatan Enam Bawah 2009. Jika terdapat juga murid yang lewat melapor diri, terpulang kepada budi bicara pihak Jabatan Pelajaran Negeri untuk menerima murid berkenaan sekiranya sebab-sebab kelewatan adalah munasabah.
4. Calon yang sedang menunggu tawaran masuk ke program-program tertentu di bawah rancangan bersama kerajaan seperti kursus Matrikulasi, kursus Persiapan ke Seberang Laut dan sebagainya, dinasihatkan supaya melapor diri dahulu ke Tingkatan Enam Bawah sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.
5. Jabatan Pelajaran Negeri dikehendaki memaklumkan kepada Pengetua-Pengetua Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik / Sekolah Menengah Kebangsaan Agama/ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Maktab Rendah Sains MARA dan Maktab Tentera Diraja supaya menyediakan senarai nama murid (Lampiran T6SBP) berdasarkan alamat tempat tinggal dan negeri masing-masing. Senarai nama calon yang layak ke Tingkatan Enam hendaklah dihantar ke Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan untuk tujuan penempatan.
6. Kerjasama pihak Jabatan Pelajaran Negeri dipohon agar data Tingkatan Enam Bawah/ Atas yang mutakhir pada tarikh **11 Mei 2009** dan seperti dikehendaki dalam Borang KPT6 dapat dikembalikan semula ke Bahagian Sekolah selewat-lewatnya pada **30 Mei 2009**.
7. Calon-calon yang masih dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) hendaklah mendaftarkan diri di sekolah yang ditempatkan sebaik sahaja program ini tamat dengan mengemukakan dokumen berkaitan.

**RAYUAN CALON SEKOLAH UNTUK MEMASUKI TINGKATAN ENAM BAWAH 2009  
BERDASARKAN KELONGGARAN ATAS PENGLIBATAN KOKURIKULUM**

**KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Calon sekolah yang tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Bawah 2009 boleh membuat rayuan ke Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan melalui pengetua sekolah asal murid dengan menggunakan borang T6BKK pada **11 Mei 2009**.
2. Pertimbangan kelonggaran akan hanya mengambilkira penglibatan kegiatan kokurikulum pemohon dalam bentuk rekod bertulis seperti dalam Jadual pada Lampiran C 1 dan C 2.
3. Umur calon tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 17 tahun pada 1 Januari 2009.
4. Mendapat sokongan penuh daripada pengetua sekolah di mana murid mengambil peperiksaan SPM, termasuk perakuan rekod disiplin yang baik.
5. Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri tertakluk kepada kekosongan tempat belajar dalam jurusan yang dipohon.
6. Semua rayuan yang diterima lewat daripada **1 Jun 2009** tidak akan dipertimbangkan .

\* *Nota:*

*Rayuan yang berasaskan sebab-sebab lain seperti kesihatan, keadaan sosio ekonomi atau perakuan azam dan kesungguhan tidak akan dipertimbangkan. Dalam kes seperti itu, calon dinasihatkan supaya mengambil semula peperiksaan SPM pada tahun 2009 ini.*

**KRITERIA KELAYAKAN KEMASUKAN TINGKATAN ENAM BAWAH 2009  
BERDASARKAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM**

<u><b>PENCAPAIAN AKADEMIK</b></u>	<u><b>JAWATAN</b></u>	<u><b>PERWAKILAN</b></u>
A 13 / S 19	1 Kod 3	ATAU 1 Sekolah
	3 Kod 4	ATAU 3 Rumah Sukan
	1 Kod 4	DAN 2 Rumah Sukan
	2 Kod 4	DAN 1 Rumah Sukan
A 14 / S 20	1 Kod 2	ATAU 1 Daerah
	3 Kod 3	ATAU 3 Sekolah
	1 Kod 3	DAN 2 Sekolah
	2 Kod 3	DAN 1 Sekolah
	3 Kod 4	DAN 2 Sekolah
A 15 / S 21	1 Kod 1	ATAU 1 Negeri
	3 Kod 2	ATAU 3 Daerah
	1 Kod 2	DAN 2 Daerah
	2 Kod 2	DAN 1 Daerah
	3 Kod 3	DAN 2 Daerah
	2 Kod 3	DAN 3 Daerah
A 16 / S 22	1 Kod 0	ATAU 1 Negara
	1 Kod 0	ATAU 2 Negeri
	1 Kod 1	DAN 1 Sekolah
	1 Kod 2	DAN 1 Negeri

## LAMPIRAN C 2

### KOD JAWATAN DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM

JAWATAN	JAWATANKUASA PUSAT						JAWATANKUASA KECIL						AHLI BIASA
	KP	TN	S	B	PS	PB	KP	TN	S	B	PS	PR	
Pengawas Sekolah	0	1	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2
Pengawas Asrama	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3
Pengawas Perpustakaan	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3
Pengawas Sukan	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	4
Sidang Redaksi Majalah Sekolah	2	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4	4	5
Pasukan Pakaian Seragam	2	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4	5	6
Rumah Sukan	2	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4	5	6
Persatuan/Kelab	2	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4	5	7
J/K Ad Hoc Hari Perayaan	5	6	6	7	7	7	7	7	8	8	8	8	8
Kelas	5	6	6	7	7	7	7	8	8	8	8	8	9

#### PENUNJUK:

KP	=	Ketua/Pengerusi
TN	=	Timbalan Ketua/Naib Pengerusi
S	=	Setiausaha
B	=	Bendahari
PS	=	Penolong Setiausaha
PB	=	Penolong Bendahari/Pemeriksa Kira-Kira

**KRITERIA PENGAMBILAN CALON PERSENDIRIAN  
KE TINGKATAN ENAM BAWAH 2009 SEKOLAH KERAJAAN**

**KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Calon persendirian/swasta SPM 2008 yang memohon memasuki Tingkatan Enam Bawah 2009 hendaklah menggunakan Borang T6BCP dan mengemukakan ke Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.
2. Permohonan yang diluluskan hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di **Lampiran A**.
3. Masih terdapat kekosongan tempat belajar dalam jurusan yang dipohon.
4. Borang permohonan hendaklah disertakan bersama satu salinan dokumen yang telah disahkan ;
  - a. Keputusan peperiksaan SPM 2008;
  - b. Sijil kelahiran;
  - c. Kad pengenalan;
  - d. Rekod persekolahan yang terperinci dari persekolahan rendah hingga persekolahan menengah; dan
  - e. Perakuan dan sokongan pengetua sekolah/pegawai kerajaan, perakuan rekod disiplin yang baik dan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum.
  - f. Jurusan dan pakej mata pelajaran yang diikuti di sekolah asal.

**PENGAMBILAN CALON STPM 2008 SEKOLAH BANTUAN PENUH KERAJAAN  
UNTUK MENGULANG BELAJAR DI TINGKATAN ENAM ATAS 2009**

**KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Calon sekolah kerajaan yang telah menduduki peperiksaan STPM 2009 tetapi ingin mengulang belajar di Tingkatan Enam Atas hendaklah membuat permohonan melalui pengetua sekolah. Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan hendaklah mempertimbangkan permohonan berdasarkan syarat-syarat berikut:-
  - 1.1 Umur tidak melebihi 21 tahun pada 1 Januari 2009;
  - 1.2 Memperoleh keputusan STPM 2008 bagi dua (2) mata pelajaran dengan keputusan lulus sebahagian (Gred C-, D+ dan D) **atau** mendapat satu mata pelajaran lulus penuh (Gred A, A-, B+, B, B-, C+ dan C) dan satu mata pelajaran lulus sebahagian;
  - 1.3 Masih berkesempatan untuk mendaftarkan diri bagi mengambil peperiksaan STPM 2009 sebagai calon sekolah;
  - 1.4 Masih terdapat kekosongan tempat belajar di sekolah yang mempunyai Tingkatan Enam dalam negeri berkenaan; dan
  - 1.5 Mendapat sokongan dan persetujuan pengetua sekolah pusat Tingkatan Enam asal murid berdasarkan rekod disiplin murid.
2. Kelulusan bolehlah diberi terus oleh Jabatan Pelajaran Negeri jika pemohon memenuhi **semua** syarat di atas.
3. Tarikh tutup permohonan adalah **tiga (3) minggu** selepas tarikh keputusan STPM diumumkan.

**PENGAMBILAN CALON SPM ULANGAN 2009 KE TINGKATAN ENAM ATAS 2010**

**KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Calon yang telah memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM Ulangan 2009 bolehlah memohon masuk ke Tingkatan Enam Atas 2010 dengan memohon terus ke Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.
2. Kelulusan permohonan hendaklah memenuhi semua syarat berikut :
  - 2.1. Umur tidak melebihi 21 tahun pada 1 Januari 2009.
  - 2.2. a. Memenuhi syarat kelayakan akademik seperti di Lampiran A :

*ATAU*

b. Bagi calon sekolah kerajaan yang memohon atas kelonggaran syarat dengan rekod kegiatan kokurikulum yang cemerlang, permohonan perlu dihantar melalui pengetua sekolah di mana calon mengambil peperiksaan SPM.
  - 2.3. Masih terdapat kekosongan tempat belajar dalam jurusan yang dipohon berdasarkan pakej mata pelajaran yang diikuti di sekolah asal.
  - 2.4. Calon-calun hendaklah mengemukakan rekod persekolahan bahawa mereka telah belajar di Tingkatan 6 Bawah 2008 di sekolah persendirian / swasta.
3. Tarikh tutup permohonan adalah **dua (2) minggu** selepas pengumuman keputusan peperiksaan SPM Ulangan 2009.

**GARIS PANDUAN MEMPROSES BORANG T6BKK & T6BCP**

**TINDAKAN OLEH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

1. Setiap borang yang diterima hendaklah dicop tarikh penerimaannya.
2. Pastikan dahulu salinan keputusan SPM 2008 dan dokumen-dokumen lain pemohon telah disahkan oleh pihak berkenaan.
3. Semak data umur pemohon dan gred mata pelajaran Bahasa Melayu SPM 2008 yang diperoleh.
4. Tentukan jurusan (Sains atau Kemanusiaan) yang diminta oleh pemohon. Jika tidak dinyatakan oleh pemohon, pihak Jabatan Pelajaran Negeri berhak menentukan jurusan yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik dan kekosongan tempat belajar yang masih ada.
5. Tentukan agregat mata kognat yang diperolehinya.
6. Tuliskan tarikh serta keputusan kelulusan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.
7. Senaraikan pemohon-pemohon yang layak mengikut keutamaan agregat dan tentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat belajar yang masih ada di sekolah pusat Tingkatan Enam. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik agregat mata kognat dan calon sekolah.
8. Bagi permohonan yang membabitkan orang kenamaan, keputusan sama ada berjaya atau tidak hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dengan surat rasmi yang ditandatangani oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri dan satu salinan kepada orang kenamaan berkenaan.